



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN PEKERJA
KOD KURSUS : DSM2083
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Berikan **empat (4)** impak kegagalan untuk mengambil dan memilih pekerja yang sesuai.

(4 markah)

b. Huraikan **dua (2)** faktor persekitaran luaran dan **satu (1)** dalam pemilihan pekerja.

(6 markah)

SOALAN 2

Huraikan **lima (5)** kesilapan yang sering dilakukan oleh penemuduga.

(10 markah)

SOALAN 3

a. Berikan **empat (4)** kaedah dalam menangani ketidakseimbangan sumber manusia dalam konteks lebihan sumber manusia.

(4 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** cabaran perekrutan dan pemilihan pekerja pada masa kini.

(6 markah)

SOALAN 4

Huraikan **lima (5)** jenis data yang dikumpul dalam analisis kerja.

(10 markah)

SOALAN 5

Bincangkan **lima (5)** jenis temuduga pekerjaan yang anda ketahui.

(10 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Encik Abu merupakan pengurus sumber manusia di syarikat Seri Kiara dan ingin menjalankan ujian pekerjaan di dalam syarikatnya. Oleh itu, anda diminta untuk mengenalpasti dan membincangkan **lima (5)** ujian pekerjaan yang boleh digunakan oleh Encik Abu.

(15 markah)

- b. Temuduga ialah satu proses komunikasi formal yang bertujuan untuk mencari dan mengenal pasti calon-calon yang berkelayakan untuk menjawat sesuatu jawatan. Huraikan **lima (5)** garis panduan untuk menjalankan proses temuduga yang berkesan.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Senaraikan **tujuh (7)** elemen dalam proses pemilihan pekerja mengikut turutan.

(7 markah)

- b. Bincangkan **enam (6)** proses dalam menjalankan analisis kerja.

(18 markah)

SOALAN 3

Pada hari ini, perancangan sumber manusia merupakan aspek penting dalam organisasi. Tujuan perancangan sumber manusia ialah untuk menggunakan sumber manusia dengan berkesan supaya matlamat organisasi dapat dicapai. Oleh itu, huraikan **lima (5)** langkah dalam proses perancangan sumber manusia beserta ilustrasi gambar rajah.

(25 markah)

[50 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**